

17 FEB 2003

NAM-Liga Arab

MESYUARAT LIGA ARAB DITANGGUH

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Menteri-Menteri Luar negara Arab gagal mencapai kata sepakat mengenai bila hendak mengadakan sidang kemuncak Liga Arab di Kaherah yang pada asalnya dijangka diadakan hujung bulan ini, menurut laporan laman web stesen televisyen "Al-Jazeera" hari ini.

Para menteri luar berkenaan menamatkan mesyuarat mereka di ibu negara Mesir itu semalam tanpa mengambil apa-apa keputusan mengenai tarikh sidang kemuncak itu yang dicadangkan oleh Mesir bagi membincangkan krisis Iraq.

Sebaliknya, mereka mengeluarkan kenyataan meminta negara-negara Arab supaya bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan Iraq dan Kuwait.

Kenyataan itu juga menekankan apa-apa ancaman terhadap mana-mana negara Arab merupakan ancaman ke atas seluruh bangsa Arab dan mana-mana negara Arab tidak harus memberi kemudahan atau pertolongan kepada kempen ketenteraan terhadap Iraq.

Setiausaha Agung Liga Arab Amr Moussa berkata bahawa mesyuarat menteri-menteri luar Arab bersetuju memberi mandat kepada Mesir untuk menentukan tarikh baru bagi sidang kemuncak berkenaan.

Laporan itu memetik sumber Liga Arab sebagai berkata kegagalan dalam menentukan tarikh sidang kemuncak Arab berlaku kerana perpecahan berikutan persoalan berhubung siapa yang harus ditekan bagi mengatasi krisis Iraq -- Baghdad atau Washington.

Kumpulan yang diketuai oleh Syria berpendapat bahawa satu mesej keras harus dihantar ke Washington bagi membayangkan penentangan negara-negara Arab terhadap hasrat Amerika Syarikat menyerang Iraq dan dasar berat sebelahnya terhadap Israel.

Sementara itu, awal hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu pemberita di sini bahawa rundingan tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur yang dijadualkan pada 26 Feb tidak akan bertembung dengan sidang kemuncak Arab itu.

Kenyataan Dr Mahathir itu dibuat selepas beliau menyaksikan raptai majlis perasmian Sidang Kemuncak NAM Ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

-- BERNAMA

MRH RT MAM RHM